

Banjir bukan masa untuk berpesta air

Oleh M JASNI MAJED

BANJIR yang berlaku sekali lagi di Pantai Timur sekarang memerlukan perhatian dan tindakan sewajarnya oleh kerajaan negeri masing-masing, kerajaan Pusat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan tenaga sukarela.

Menurut mangsa-mangsa banjir, kejadian banjir di Kuantan tidak diduga begitu serius pada kali ini. Kemusnahan harta benda kerana gagal diselamatkan mengakibatkan kerugian besar kepada para peniaga.

Malah, ada beberapa kawasan di Terengganu yang sebelum ini tidak pernah dilanda banjir, tiba-tiba mengalami bencana ini. Hujan yang berlebihan menjadi punca banjir di samping faktor-faktor lain yang boleh dikaji dan diambil iktibar daripada kejadian ini.

Bagi negeri-negeri yang kerap dilanda banjir, persediaan rapi sudah dibuat sejak sekian lama supaya kejadian yang berlaku tidak mewujudkan rasa panik penduduk yang terbabit. Stok makanan, perubatan dan penyediaan tempat-tempat berpindah sudah ditetapkan sejak awal lagi.

Melakukan persediaan lebih awal sangat penting daripada bertindak semasa berlakunya sesuatu kejadian.

Pengalaman negeri-negeri di Selatan tanah air ketika banjir melanda di negeri-negeri terbabit pada 2007 boleh dijadikan pengajaran dan mana-mana perkara yang menjadi masalah pada ketika itu boleh dijadikan iktibar.

Paling penting diberi perhatian adalah nyawa penduduk. Banjir-banjir besar sebelum ini memang mengorbankan nyawa. Walaupun angka yang terkorban tidak begitu ramai, tetapi sesetengah korban banjir berpunca daripada kelalaian penduduk itu sendiri.

Contohnya, kanak-kanak yang menjadikan banjir sebagai pesta bermain air selalunya mengundang padah. Ibu bapa mestilah peka akan perkara ini supaya anak-anak mereka tidak dibiarkan bebas dalam keadaan banjir walaupun kawasan mereka tidak serius dilanda banjir.



KANAK-KANAK gembira bermain air ketika berlakunya banjir di Kampung Buluh, Setiu, Terengganu, baru-baru ini.

Malah, anak-anak kecil mestilah dinasihati agar tidak menjadikan banjir sebagai pesta bermain air kerana ada bahaya yang tidak disangka-sangka menanti mereka.

Apa-apa pun bantuan secara ikhlas amatlah penting kepada mangsa-mangsa banjir di samping adanya kerjasama mangsa-mangsa

terbabit untuk melicinkan bantuan yang diberikan.

Kita mungkin teruja apabila ada antara penduduk yang memiliki bot menyediakan perkhidmatan percuma kepada mangsa banjir dengan memindahkan mereka ke tempat yang selamat. Di samping bantuan dari segi

 Paling penting diberi perhatian adalah nyawa penduduk. Banjir-banjir besar sebelum ini memang mengorbankan nyawa. Walaupun angka yang terkorban tidak begitu ramai, tetapi sesetengah korban banjir berpunca daripada kelalaian penduduk itu sendiri

makanan dan pakaian, bantuan tenaga yang dihulurkan demi memastikan keselamatan mangsa mestilah diutamakan terutama kepada warga tua dan golongan kanak-kanak.

Arahan berpindah yang dikeluarkan mestilah diikuti supaya proses pemindahan dapat dijalankan dengan lancar. Kedegilan berpindah selalunya berpunca daripada kebimbangan meninggalkan harta benda di rumah.

Oleh itu, pihak berwajib mestilah memastikan juga keselamatan barangan yang ditinggalkan di kediaman supaya tidak wujud pula golongan yang mengambil kesempatan mencuri barang-barang berharga pada musim banjir.

Agihan makanan, pakaian, wang ringgit dan pelbagai peralatan lain mestilah diawasi supaya bantuan ini sampai ke tangan mangsa banjir dan tidak ada pula yang menyelewengkan bantuan tersebut.

Keberkesanan operasi yang dijalankan oleh pihak-pihak berwajib bergantung kepada tahap keselamatan dan kebajikan mangsa banjir. Sebarang rungutan mestilah dicari punca dan kaedah penyelesaiannya mestilah dibuat secara perbincangan.

Keikhlasan membantu mangsa banjir sangat penting dan dituntut kerana membantu orang yang susah dan bernasib malang itu besar ganjarannya kelak.